# KERATAN AKHBAR

**NAMA AKHBAR: BERITA HARIAN (MUKA SEPULUH)**

**TARIKH: 23 OGOS 2019** **MUKA SURAT: 10**

Minda Pengarang

## Perlu bina lebih banyak rumah bawah RM300,000

**Kita** menyambut baik langkah Bank Negara Malaysia (BNM) menaikkan had pendapatan bulanan isi rumah yang layak mendapatkan pinjaman membeli rumah di bawah Dana Rumah Mampu Milik kepada RM4,360 daripada RM2,300 sebelum ini. Harga rumah yang boleh dibeli menggunakan pembiayaan di bawah dana itu turut dinaikkan kepada RM300,000 daripada RM150,000 sebelum ini.

Namun, kita mahu kerajaan memastikan pemaju dan kontraktor membina lebih banyak rumah berharga di bawah RM300,000. Walaupun BNM menaikkan had pendapatan bulanan isi rumah, akhirnya nanti yang akan melulus atau tidak sesuatu pinjaman adalah institusi perbankan yang melihat dari sudut tanggungan, liabiliti, pinjaman lain jika ada dan kemampuan peminjam membayar balik.

Ini bermakna, meskipun BNM mengumumkan kenaikan had maksimum pinjaman, tidak semestinya mereka layak membeli rumah bernilai sehingga RM300,000 kerana ia bergantung kepada peratusan gaji bulanan yang tinggal selepas ditolak tanggungan dan hutang lain.

Oleh itu, adalah lebih baik bagi kerajaan memberi arahan atau dengan insentif tertentu kepada pemaju bagi membina lebih banyak rumah mampu milik. Kajian BNM sebelum ini mendapati rumah berharga lebih RM500,000 di Lembah Klang banyak yang tidak terjual, tetapi rumah berharga bawah RM500,000 memang dicari.